

15/09/1998

Cukai untung wajar dilaksana

Azli Ayob

LANGKAH memperkenalkan cukai keuntungan modal terhadap dagangan kontra, sebagai tambahan kepada kawalan tukaran asing adalah langkah baik mengurangkan ketidaktentuan pasaran saham, kata penganalisis di sebuah firma broker tempatan.

Menurutnya, pasaran saham yang tidak menentu sekarang tidak dinafikan berpunca daripada dagangan kontra yang diminati dan popular di kalangan pelabur tempatan.

Pengarah Eksekutif Inter-Pacific Securities Sdn Bhd, Abdul Majid Mohd Harun, berkata terdapat kebaikan dan kelemahan dalam pengenaan cukai terhadap urus niaga terbabit.

"Terdapat pihak tertentu yang kurang menyenangi langkah ini terutama mereka yang terbabit dalam kegiatan ini," katanya ketika dihubungi Berita Harian, semalam.

Abdul Majid berkata, langkah itu akan mengurangkan bilangan pelabur yang terbabit dalam dagangan kontra dan satu tindakan bijak kerajaan dalam mengurangkan spekulasi.

Menurutnya, langkah memendekkan tempoh urus niaga dagangan kontra kepada tiga hari boleh mengurangkan pendedahan pasaran kepada spekulasi.

Ditanya adakah langkah ini akan mengurangkan jumlah pelaburan asing dalam pasaran, beliau berkata: "Kebanyakan yang terbabit dalam kegiatan ini adalah pelabur tempatan sementara pelabur asing lebih tertumpu kepada pelaburan jangka panjang," katanya.

Menurutnya, langkah ini juga dapat mengurangkan risiko kepada syarikat bursa. Sementara itu, seorang penganalisis di Kuala Lumpur City Securities Sdn Bhd berkata, pengenaan cukai terbabit akan membawa kesan positif dalam jangka panjang kerana ia mengurangkan ketidaktentuan pasaran.

"Ketidaktentuan yang ditimbulkan daripada peniaga terbabit membawa kesan negatif kepada bursa saham," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata, dagangan kontra dikenal pasti sebagai salah satu masalah yang menyebabkan berlakunya ketidaktentuan dalam pasaran saham negara dan kerajaan sedang mengkaji kemungkinan memperkenalkan cukai keuntungan modal terhadap dagangan terbabit.

Dagangan kontra adalah pembelian saham tanpa bayaran terlebih dahulu dengan penjelasan bayarannya hanya selepas tempoh lima hari dagangan. Jika seseorang pelabur membeli saham secara kontra dan menjualnya sebelum tempoh lima hari itu, beliau meraih keuntungan tanpa membuat sebarang pembayaran jika saham itu naik harga.

(END)